

3 MAR 1996

ASEM-Politik (Fokus Berita)

PERTEMUAN EROPAH-ASIA MEMBAWA RASA PUAS DAN SENANG HATI

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

BANGKOK, 3 Mac (Bernama) -- Selepas perbincangan penuh bersejarah selama dua hari, pemimpin-pemimpin Asia dan Eropah membuka lembaran baru dalam usaha mewujudkan hubungan yang lebih mendalam antara rantau ke rantau atas dasar kesaksamaan dan saling hormat-menghormati.

Sementara pihak-pihak tertentu secara terbuka mengaku sikap was-was mengenai Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) itu, kejayaan besar yang dicapai dalam pertemuan itu membawa rasa puas dan senang hati kepada pemimpin-pemimpin akan hubungan masa depan antara dua rantau yang paling dinamik di dunia.

Walaupun isu-isu perdagangan dan ekonomi sepatutnya menjadi teras persidangan kemuncak itu, isu-isu politik juga tidak ketinggalan dan yang paling bersejarah ialah pertemuan antara pemimpin Indonesia dan Portugal mengenai isu Timur Timor -- perkembangan yang diikuti dengan rapi oleh media barat.

Tetapi isu-isu politik dapat ditangani dengan tegas dan subjek-subjek kontroversi seperti Timur Timor telah dielakkan di persidangan bagi pemimpin-pemimpin sahaja itu.

Semasa persediaan bagi mesyuarat itu, Portugal dilaporkan mahu membangkitkan isu Timur Timor semasa ASEM yang pasti akan menyebabkan Indonsia mengambil pendirian bertahan. Jika ini berlaku, ramai pemerhati percaya matlamat ASEM akan terjejas.

Isu Timur-Timor "reda sedikit" apabila kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan buat pertama kali selepas 20 tahun dalam satu sesi dua hala di luar jadual selepas majlis makan menyambut kehadiran ketua-ketua kerajaan itu.

Sementara mesyuarat antara Presiden Suharto dari Indonesia dan Perdana Menteri Portugal Antonio Guterres dianggap sebagai "kejayaan" dalam isu Timur Timor, kehadiran pemimpin-pemimpin daripada dua benua itu membawa kepada pertemuan-pertemuan peribadi sesama mereka dengan agenda tersendiri.

Perdana Menteri Britain John Major mengambil kesempatan untuk berbincang dengan rakan sejawatannya dari China, Li Peng mengenai masa depan Hong Kong sementara Korea Selatan dan Jepun bertemu bagi mmbincangkan akan pertikaian terhadap berapa pulau di Laut Jepun.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan beberapa pemimpin Asia dan Eropah di luar mesyuarat itu.

Antara pemimpin-pemimpin yang bertemu dengan Dr Mahathir ialah Perdana Menteri Thailand yang juga pengerusi persidangan itu Banharn Silpa-archa, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Chanselor Austria Franz Vranitzky.

Dengan harapan tinggi untuk menjayakan persidangan terulung dan yang penuh bermakna itu, 10 pemimpin dari Asia yang terdiri daripada tujuh negara anggota Asean, China, Jepun dan Korea Selatan dan rakan-rakan sejawatan mereka dari 15-negara anggota Kesatuan Eropah (EU) bersetuju untuk bertemu pada ASEM akan datang di London pada 1998.

Dalam aspek politik, mesyuarat itu bersetuju akan pentingnya meningkatkan dialog antara Asia dan Eropah mengenai isu-isu keselamatan am khususnya dalam membina keyakinan iaitu satu elemen yang tiada dalam dialog Asia-Amerika iaitu pada forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC).

Ke arah itu, Perjanjian Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) yang ditandatangani di sini semasa Persidangan Kemuncak Asean Disember lepas,

mendapat perhatian.

Dalam hubungan ini, Peranchis telah menyatakan yang ia sedia memperakui perjanjian itu dan mahu mengkaji perkara itu dengan lebih dalam lagi.

Untuk mnggalakkan pertukaran antara penduduk dan kumpulan-kumpulan kebudayaan, mesyuarat itu bersetuju yang Yayasan Asia-Eropah ditubuhkan di Singapura dengan sumbangan daripada negara-negara Asia dan Eropah.

Satu program Universiti Asia-Eropah juga akan diwujudkan untuk menggalakkan pertukaran penuntut-penuntut dan cendekiawan-cendekiawan bagi mewujudkan persefahaman yang lebih baik akan kebudayaan, sejarah dan amalan perniagaan di kedua-dua rantau.

Menurut Dr Mahathir, pemimpin-pemimpin Eropah yang menghadiri persidangan kemuncak itu mengetahui sedikit sahaja mengenai Asia sedangkan penduduk Asia lebih banyak mengetahui mengenai Eropah. Ini kerana ramai dari Asia yang melanjutkan pengajian di Eropah.

Oleh itu negara-negara Eropah boleh merapatkan lagi jurang dengan mewujudkan cawangan-cawangan universiti dan program-program berkembar di rantau ini bukan sahaja untuk menampung penduduk Asia tetapi juga bagi rakyat Eropah yang boleh datang ke sini untuk belajar.

Ini juga akan membawa kepada persefahaman yang lebih baik mengenai nilai-nilai Asia, kebudayaan dan cara pemikiran orang Eropah.

Di samping itu, pertukaran intelek antara Asia dan Eropah melalui seminar dan simposium mengenai isu-isu antarabangsa dan serantau dan rangkaian di kalangan golongan pemikir dari kedua-dua benua juga akan dilaksanakan. -- BERNAMA

AZZ PR